



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR  
KALI KE 98 BIL 24/2023**

**KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN  
KEMPEN BERKONGSI KERETA**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Mahasiswa/i yang dikasihi,

Sukacita dimaklumkan, satu program Kempen Keselamatan Jalan Raya 'JOM PULANG KE KAMPUNG' akan diadakan sebagai satu inisiatif untuk memberi kesedaran kepada mahasiswa UMP tentang kepentingan mengutamakan keselamatan jalan raya sepanjang perjalanan pulang ke kampung.

Mahasiswa/i dijemput mendaftar dengan mengisi maklumat kenderaan yang akan dibawa pulang ke kampung melalui pautan <https://community.ump.edu.my> > Sistem Pelajar Pulang Ke Kampung sebagai rujukan dan juga penyertaan kempen ini.

Dimaklumkan bahawa sebanyak 820 pendaftaran terawal akan diberikan ekupon petrol berjumlah RM7 untuk motorsikal dan RM30 kepada pemilik kenderaan yang membawa paling minimum 3 orang pelajar tumpangan untuk perjalanan pulang ke kampung (*carpool*).

E-kupon ini akan dijana melalui aplikasi ADAB@UMP (sila muat turun di *Play store/Apple store*). E-kupon ini boleh ditebus guna pada 17 April 2023 (Isnin) di Stesen Minyak Petronas, KM26 Gambang dan juga Stesen Minyak Petronas Peramu, Pekan bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sebarang pertanyaan mengenai kempen ini, sila hubungi Pejabat Pentadbiran TNC HEPA (09-4315027) atau melalui emel [admin\\_jhepa@ump.edu.my](mailto:admin_jhepa@ump.edu.my).

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

**Dikeluarkan oleh  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
10 April 2023**